

JABATAN BENDAHARI • BURSAR'S DEPARTMENT

Rujukan : UKM.BEN 400-4/1/9

Tarikh: 22 Disember 2022

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PERALIHAN PENGGUNAAN SISTEM UFAST KE PLATFORM BAHARU

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem UFAST akan beralih ke platform yang baharu (*smart client*). Sehubungan dengan itu, setiap pusat tanggungjawab (PTj) perlu menggunakan UFAST yang baharu untuk semua urusan kewangan. Sistem UFAST lama akan dihentikan penggunaannya mulai 03 Januari 2023.

3. Berikut adalah maklumat capaian untuk perhatian Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan;

- i. **UFAST Baharu** boleh dicapai menerusi <https://ufast.ukm.my/>. Sistem ini hanya boleh dicapai menerusi intranet (capaian rangkaian dalam UKM, Cheras dan JRM).
- ii. **Manual pengguna** boleh dicapai melalui <https://ufast.ukm.my/manual/>.
- iii. **UFAST versi 2.048** (antaramuka hijau) akan mula dihentikan penggunaan pada 3 Januari 2023 (tertakluk kepada perubahan).

4. Peralihan ini adalah bagi menyokong keperluan system:

- i. Proses instalasi tidak lagi diperlukan. Namun, penggunaan Sistem UFAST masih tertakluk kepada permohonan melalui Sistem ISIP dan PC yang telah didaftarkan.
- ii. Proses kemaskini Sistem UFAST secara auto (*seamless*) bagi memastikan program UFAST adalah terkini.
- iii. Pembangunan menggunakan *IDE PowerBuilder* versi baharu oleh pihak Teknikal UFAST
- iv. Pembangunan akan datang yang menyokong ciri yang lebih maju.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3823/ 4402/ 4523/ 3377 E-mel: pentadbirufast@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

5. Sehubungan dengan itu, sukacita pihak Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan di PTj di bawah seliaan Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sebarang pertanyaan lanjut, pihak Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Unit Jaminan Kualiti, Jabatan Bendahari di talian 3823/ 4402/ 4523/ 3377 atau emel kepada pentadbirufast@ukm.edu.my

Sekian, terima kasih

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,



MOHD AZLI BIN MOHD KASIRUN C.A. (M)

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana), UKM
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Ketua Perpustakaan, UKM
 - Penasihat Undang-Undang, UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3823/ 4402/ 4523/ 3377 E-mel: pentadbirufast@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari